General

Perkampungan Sains dan Teknologi di UMP Rangsang Minat Pelajar Sekolah

Thu, 08/09/2018 - 10:48

Kuantan, 8 Ogos – Lebih 60 buah sekolah rendah dan menengah seluruh negeri Pahang menyertai Karnival STEM Peringkat Negeri Pahang anjuran Jabatan Pendidikan Negeri Pahang (JPNP) dan Jabatan Jaringan Industri dan Masyarakat (JJIM) bertempat di UMP Pekan sebagai tuan rumah penganjuran bagi merangsang dan memupuk minat pelajar terhadap Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Majlis perasmian disempurnakan oleh Naib Canselor UMP, Prof. Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim bertempat di Dewan Kuliah Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, UMP Pekan. Hadir sama Ketua Sektor Pendidikan Khas dan Swasta JPNP, Haji Roslan Mubin, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Mashitah Mohd. Yusoff, Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat), Profesor Dr. Jamil Ismail dan Pengarah Jaringan Industri dan Masyarakat, Ir Dr. Nurul Hazlina Noordin.

Prof. Dato' Sri Dr. Daing Nasir berkata, UMP berbesar hati atas kolaborasi ini sebagai rakan sinergi Karnival STEM Negeri Pahang 2018. UMP juga sentiasa komited untuk konsisten mendukung agenda Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memperkasa komponen Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

"Dengan kepakaran yang dimiliki oleh Universiti ini dalam pelbagai lapangan kejuruteraan, sains dan teknologi, saya percaya UMP sememangnya berkeupayaan untuk berperanan sebagai rakan sinergi yang kompeten. Pelbagai inisiatif telah, sedang dan akan dilaksanakan bagi membantu sekolah-sekolah rendah dan menengah di Pahang, khususnya di daerah Pekan untuk menyuntik minat, membangunkan potensi dan memperkasa daya saing para pelajar dalam subjek-subjek berkaitan STEM," katanya.

Tambahnya lagi, perkara ini penting dalam konteks konsistensi bekalan calon-calon cemerlang yang berpotensi untuk ditawarkan ke program-program akademik bersifat kejuruteraan, sains, teknologi dan pengurusan di UMP sama ada di peringkat Sarjana Muda atau Diploma.

Selain itu, program ini merupakan sebahagian daripada manifestasi komitmen kedua-dua pihak untuk mengekalkan hubungan erat dan pada masa yang sama, aktif meneroka peluang untuk memperluas skop kerjasama sedia ada.

Pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020 turut melihat pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pahang sebagai antara pemegang taruh utama UMP untuk dilibatsamakan bagi maksud keunggulan akademik dan tanggungjawab sosial korporat Universiti ini.

Pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh fakulti dan pusat tanggungjawab untuk memasyarakatkan UMP seoptimum mungkin demi menginspirasikan kecemerlangan anak-anak setempat antaranya

seperti membangunkan KP House di Kampung Kuala Pahang sebagai learning playground untuk anak-anak setempat di sana bagi tujuan literasi pengetahuan, kesedaran pendidikan dan transformasi sikap secara kreatif dan interaktif.

Dalam jangka masa panjang, UMP berharap pendekatan intervensi melalui KP House tersebut boleh dijadikan satu model tanda aras yang boleh dikembangkan konsep pelaksanaannya ke lokaliti lain di daerah Pekan dan negeri Pahang.

Sementara Itu, Haji Miftah pula berkata , Karnival STEM Negeri Pahang 2018 ini telah berjaya menarik penyertaan individu daripada pelbagai peringkat umur, dari pelajar prasekolah berusia enam tahun, hinggalah mereka yang berusia lebih 50 tahun.

Kepelbagaian latar usia peserta tersebut membuktikan kepada kita bahawa program-program berkaitan pendidikan STEM sebenarnya mampu menembusi pelbagai kumpulan sasaran sekiranya kita kreatif menstruktur aktiviti tersebut secara interaktif dan non-conventional.

Beliau mengharapkan program ini dapat menarik minat anak-anak didik untuk meneroka peluang pendidikan dan menceburi bidang pekerjaan berkaitan STEM, tetapi turut kritikal dalam menyedarkan golongan ibu bapa dan penjaga untuk memberi dorongan dan galakan berterusan kepada anak-anak mereka.

Dalam pada itu, cabaran ini pastinya dapat diuruskan antara pihak JPNP dan UMP bagi membincangkan langkah-langkah intervensi khusus yang boleh dilaksanakan secara kolektif. Antara yang dipertandingkan sepanjang program adalah Rekacipta Inovasi STEM, Roket Air, Pro Video Digital STEM, Bercerita STEM, STEM Action Song, Chem E-car, Digital Literacy, Science Talk Show dan Young Innovate.

- 131 views

View PDF